

Headline	Kilang salah guna AP dikompaun		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	08 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Page No	33
ArticleSize	348 cm ²	Journalist	SITI ZUBAIDAH
PR Value	RM 7,314		



Kilang salah guna AP dikompaun

Tiada lesen proses sisa barangan plastik kitar semula

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SUNGAI PETANI



Operasi bermula jam 9 pagi dijalankan ke atas premis yang menjalankan proses kitar semula sisa plastik sekitar Sungai Petani.

Dikenakan kompaun selain mesin pembasuh disita. Itu antara tindakan dilakukan semasa operasi bersepadu diketuai Exco Alam Sekitar, Simon Ooi Tze Min ke atas kilang memproses sisa barangan plastik kitar semula di sini.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati, premis terbabit tidak memiliki kebenaran sebaliknya mendapatkan bekalan dari empat pemegang AP sekitar

Kedah dan Pulau Pinang bagi menjalankan perniagaan kitar semula plastik.

"Kompaun dikeluarkan Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK) atas kesalahan beroperasi tanpa lesen selain Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menyita mesin basuhan yang digunakan kerana belum mendapat pematuhan ataupun permit dari JAS.

"Sebenarnya import plastik hanya pemegang AP sahaja yang boleh beroperasi tetapi kilang ini belum ada lesen, sebaliknya memproses plastik yang diperolehi dari pemegang AP lain dipercayai sejak enam bulan lalu," katanya.

Operasi bermula jam 9 pagi itu melibatkan pelbagai agensi termasuk JAS, MPSPK, Tenaga Nasional Ber-



Pemeriksaan dijalankan ke atas sebuah premis kitar semula sisa plastik.

had, Polis, Syarikat Air Darul Aman, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan SPRM.

Sementara itu, Pengarah SWCorp Kedah, Zaidi Tuah berkata, pihaknya akan mengemukakan laporan kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) berhubung tindakan empat pemegang

AP yang bertindak membekalkan sisa bekalan untuk diproses kilang berkenaan.

Menurut beliau, pihaknya juga akan memohon JPSPN membuat semakan lesen serta memberhentikan operasi jika terdapat kesalahan di mana pemegang AP plastik lain yang memberi bekalan juga bakal berhadapan tindakan digantung lesen.

info

Ketika ini, permohonan AP plastik masih ditangguhkan sementara satu keputusan dibuat kementerian kelak

Operasi disasarkan dilaksanakan ke tujuh premis yang disyaki menjalankan proses kitar semula sisa plastik tanpa kebenaran sekitar Sungai Petani.

Sementara itu, Tze Min berkata, permohonan AP plastik masih ditangguhkan sementara satu keputusan dibuat kementerian, bagaimanapun, masih terdapat beberapa pemegang AP telahpun diberi kebenaran untuk menjalankan proses berkenaan sebelum penangguhan dibuat.